

Buat pilihan dengan waras

© U.M 11 SEP 1993

KUALA TERENGGANU 10 Sept. - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan ahli-ahli UMNO membuat pemilihan pemimpin parti secara tenang dan waras kerana mereka yang terpilih akan bertanggungjawab mencorakkan masa depan negara.

Presiden UMNO itu berkata, dalam membuat pemilihan itu, perwakilan parti harus memikirkan bahawa calon yang hendak dipilih haruslah baik untuk parti dan kerajaan.

Katanya, seseorang harus mengutamakan kepentingan parti dan menolak pemilihan yang dibuat semata-mata kerana kepentingan individu.

"Ungkapan bahasa inggeris yang menvebut *you*

get what you deserve jelas menunjukkan dalam politik, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa jika berlaku kepincangan di masa depan.

"Ini kerana kitalah yang membuat pemilihan yang akan menentukan baik buruk masa depan dan oleh itu kita mesti membuat penilaian dengan tenang dan waras.

"Saya tidak menyokong sesiapa tetapi nasihat ini ialah untuk kekuatan parti," kata Perdana Menteri ketika berucap di majlis perjumpaan dengan Ketua-ketua Bahagian UMNO Negeri Terengganu di kediaman Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di sini pagi ini.

Dr. Mahathir berkata,

dalam membuat pemilihan, ahli-ahli UMNO harus mengutamakan kepentingan parti daripada individu dalam memastikan kesinambungan nikmat yang diperolehi oleh rakyat melalui perpaduan UMNO berterusan.

Katanya, ahli UMNO harus sedar yang memerintah negara adalah parti dan bukan individu dan oleh itu kepentingan parti tidak harus sekali-kali dikebelakangkan.

Menurut beliau, tiada apa yang boleh diperbuat secara individu kerana sesuatu tindakan hanya boleh dilaksanakan melalui parti.

Dr. Mahathir juga menyentuh mengenai tindak-tanduk ahli-ahli

UMNO di peringkat cawangan dan bahagian yang kadangkala lebih mengutamakan kepentingan individu daripada parti yang mengakibatkan UMNO tewas kepada parti lawan.

Menurut beliau terdapat contoh di mana kekalahan UMNO bukan berpunca daripada kekuatan lawan tetapi sebaliknya berpunca dari usaha yang dibuat untuk melemahkan diri sendiri semata-mata kerana tidak menyetujui calon yang dipilih oleh parti.

Beliau menambah, adalah aneh ahli-ahli UMNO boleh menerima pemimpin parti dari negeri lain untuk memimpin negara tetapi di peringkat bahagian dan cawangan, se-

mangat kedaerahan sangat menebal.

"Apabila membuat pemilihan, kalau boleh nak calonkan orang kampung sendiri atau kalau boleh kaum keluarga sendiri.

"Ini yang menyebabkan kelemahan dalam parti. Kekuatan kita ialah per-

paduan di seluruh negara tetapi kelemahan ialah perpaduan ini tidak terus sampai di peringkat kawasan dan bahagian serta kampung.

"Kalau kita kalah di tempat tertentu bukan sebab kerana parti lawan kuat tetapi sebabnya kita

sengaja melemahkan diri kita dengan memecah belah perpaduan dan tidak memberi sokongan padu kepada parti," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, cara pemikiran seumpama ini harus diketepikan kerana jika keutamaan kepada parti dibuat, UMNO tidak akan menghadapi masalah.